



(1) MPC.200-7/6/12 SKO

2 September 2022

Pengarah Urusan
Air-Temp Engineering Company
No. 153, 2nd Floor, Lot 10525 Block 16, KCLD
Jalan Tun Jugah, 93350
Kuching, Sarawak

Tel: 082-364416

Faks: 082-362417

Tuan,

**TAWARAN PERKHIDMATAN WATER TREATMENT & MENCUCI COOLING TOWER
(CENTRAL AIR CONDITIONING) UNTUK PEJABAT PERBADANAN PRODUKTIVITI
MALAYSIA WILAYAH SARAWAK**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara yang di atas.

2. Dengan sukacitanya dimaklumkan bahawa syarikat tuan telah dilantik bagi perkhidmatan **Water Treatment Service Dan Mencuci Cooling Tower (Central Air Conditioning)** di **MPC Wilayah Sarawak** untuk tempoh **12 bulan** iaitu dari **1 September 2022 – 31 Ogos 2023** bernilai **RM9,600.00** (Ringgit Malaysia: Sembilan Ribu Enam Ratus sahaja).

3. Pihak tuan diminta untuk mengembalikan "Surat Setuju Terima" dalam tempoh 7 hari dari tarikh surat ini. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan tawaran ini terbatal. Pihak tuan boleh berhubung dengan Encik Edward Binti di talian 082-439 959 atau 0138793417 untuk keterangan lanjut.

4. Kami menaruh harapan pihak tuan akan memberikan perkhidmatan berkualiti kepada MPC Wilayah Sarawak.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"RAKAN KECEMERLANGAN ORGANISASI ANDA"

Saya yang menjalankan amanah,

(HAJAH NOR HAFIZAH MOHD AROP)
Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Sarawak

SURAT SETUJU TERIMA TAWARAN

No. Rujukan : (1) MPC.200-7/6/12 SKO
Perkara : Water Treatment Service Dan Mencuci Cooling Tower (Central Air Conditioning)
Tempoh : 1 September 2022 – 31 Ogos 2023
Harga : RM9,600.00

Pihak kami faham bahawa dengan menyetujui tawaran ini kami akan memberikan perkhidmatan berkualiti kepada MPC Sarawak dengan harga yang telah dipersetujui di atas. Kami juga sedia maklum bahawa kegagalan kami berbuat demikian akan mensabitkan tawaran ini boleh terbatal.



.....
Tandatangan Pembekal

Nama Penuh: CHIN FOOK CHIEN @ FUNG CHIU

Alamat: NO: 137 Lorong 12A Taman

Shutong Indah Jin Setia Raja

93350 Kuching Sarawak.

.....
Tarikh: 3.9.2022

Cop Rasmi Syarikat:



.....
Tandatangan Saksi

Nama Penuh: Jenny Sam

Alamat: NO: 137 Lorong 12A

Taman Shutong Indah Jin

Setia Raja 93350 Kuching

Sarawak.

.....
Tarikh: 3.9.2022

PERJANJIAN

DI ANTARA

PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

DENGAN

**AIR-TEMP ENGINEERING COMPANY
(Roc. No.67829)**

BAGI

**PERKHIDMATAN WATER TREATMENT DAN MENCUCI COOLING
TOWER (CENTRAL AIR CONDITIONING) UNTUK KOMPLEKS
PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA, SARAWAK**

No. Perjanjian: MPC.200-7/6/12 SKO

Nilai Kontrak : RM9,600.00

Nilai Cagaran : Dikecualikan

DOKUMEN PERJANJIAN

PERJANJIAN ini dibuat pada 1 haribulan September 2022 DI ANTARA **PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA** yang ditubuhkan di bawah Akta (Memperbadankan) Perbadanan Produktiviti Malaysia 1966 (selepas dari ini disebut "MPC") sebutan yang mana meliputi pengganti-pengganti atau wakil-wakilnya sebagai satu pihak DAN **AIR-TEMP ENGINEERING COMPANY** sebuah syarikat yang didaftarkan di Malaysia (Roc.No.67829) di bawah Akta Syarikat 1965 dan yang beralamat di **No. 153, 2nd Floor, Lot 10525 Block 16, KCLD, Jalan Tun Jugah, 93350, Kuching, Sarawak** (selepas dari ini disebut sebagai "Kontraktor") sebutan yang mana meliputi pengganti-pengganti atau wakil-wakilnya sebagai pihak yang satu lagi.

MUKADIMAH

1. BAHAWASANYA MPC adalah suatu pertubuhan yang diperbadankan bernama Perbadanan Produktiviti Malaysia yang kekal turun temurun dan mempunyai suatu meterai dan kuasa bagi memperolehi dan memegang harta yang boleh dialih atau yang tak boleh dialih dan melepaskan atau dengan jalan lain membuat apa-apa berkenaan dengannya.

MAKA ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI seperti berikut:

1.0 TAKRIF

Dalam perjanjian ini dan dalam syarat-syarat dan jadual-jadual yang dilampirkan bersama, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain:

- 1.1 "MPC" maksudnya **PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA** yang diperbadankan di bawah Akta (Memperbadankan) Perbadanan Produktiviti Malaysia 1966.
- 1.2 "Kontraktor" maksudnya **AIR-TEMP ENGINEERING COMPANY** sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia dan mempunyai alamat berdaftaranya **No. 153, 2nd Floor, Lot 10525 Block 16, KCLD, Jalan Tun Jugah, 93350, Kuching, Sarawak.**

2.0 PERIHAL KONTRAK

- 2.1 Kontraktor adalah dikehendaki melaksanakan kontrak perkhidmatan seperti terkandung dalam sebut harga dengan bayaran **RM800.00 sebulan atau RM9,600.00 untuk 12 bulan.**
- 2.2 Bagi maksud melaksanakan kontrak tersebut, kontraktor dengan ini bersetuju bahawa segala syarat-syarat yang terkandung di dalam sebut harga hendaklah dijadikan sebahagian dari perjanjian ini dan hendaklah ditakrifkan bersama-sama dengan syarat-syarat yang sedia ada di dalam perjanjian ini.

3.0 PEMBAYARAN KONTRAK

- 3.1 Pembayaran kepada kontraktor oleh MPC adalah atas pelaksanaan kontrak tersebut akan dibuat berdasarkan kualiti perkhidmatan yang telah ditetapkan dan memuaskan mengikut spesifikasi yang dirujukkan dalam Dokumen Sebut Harga dan akan dijelaskan oleh MPC selepas invois/bil dan salinan asal pesanan jabatan (jika berkaitan) diterima dan disahkan oleh MPC. MPC berhak membuat potongan ke atas bayaran itu sekiranya didapati kerja-kerja tidak memuaskan, tidak mengikut spesifikasi atau tidak dilaksanakan langsung oleh kontraktor.

- 3.2 Adalah dipersetujui bahawa MPC berhak selain dari cara dan masa pembayaran yang ditetapkan di atas menentukan cara pembayaran yang lain dan melanjutkan masa pembayaran yang dibuat kepada kontraktor dalam masa berkuat kuasanya perjanjian ini.

4.0 **TEMPOH PERJANJIAN**

- 4.1 Tempoh perjanjian ini adalah selama **12 bulan** dan berkuatkuasa mulai dari tarikh **01 SEPTEMBER 2022 hingga 31 OGOS 2023**

5.0 **REPRESENTASI DAN WARANTI**

Kontraktor dengan ini mengaku janji bahawa segala keterangan-keterangan berikut adalah benar :-

- 5.1 Kontraktor adalah sebuah syarikat yang sah yang ditubuhkan di Malaysia dan mempunyai kuasa dan layak untuk menjalankan kontrak tersebut dan telah menyempurnakan segala kehendak-kehendak undang-undang untuk menjalankan kontrak tersebut.
- 5.2 Segala tindakan yang perlu dan wajar telah diambil oleh kontraktor untuk melayakkannya menandatangani perjanjian ini.
- 5.3 Tidak ada tindakan undang-undang atau apa-apa prosiding telah diambil atau sedang dijalankan di Mahkamah atau badan lain yang boleh menggugat atau memberi kesan kepada keadaan dan perniagaan kontraktor.
- 5.4 Segala kebenaran, lesen dan lain-lain hal yang berkaitan dengan perniagaan kontraktor telah diperolehi dan disempurnakan dan tidak ada apa-apa keadaan atau syarat-syarat yang boleh menyebabkan kebenaran untuk lesen kontraktor ditarik balik.

5.5 Segala butir-butir dan keterangan termasuk keadaan kewangan Kontraktor yang diberikan oleh Kontraktor kepada MPC adalah benar belaka.

5.6 Bahawasanya representasi dan waranti yang telah diberikan di atas akan berkuat kuasa dalam tempoh berkuatnya perjanjian ini.

6.0 **BON PELAKSANAAN**

Dikecualikan

7.0 **GANTIRUGI**

7.1 Kontraktor hendaklah membayar ganti rugi kepada MPC terhadap segala bayaran tuntutan, belanja ganti rosak, tanggungan, kerugian dan pembicaraan yang mungkin ditanggung atau dikenakan ke atas MPC sebagai akibat langsung atau tidak langsung kerana perlanggaran Perjanjian ini oleh Kontraktor. Jika bilangan Kontraktor itu dua atau lebih daripada dua, maka tanggungan bagi mereka itu di bawah ini hendaklah disifatkan sebagai bersama.

8.0 **IKLAN**

8.1 Perjanjian ini tidaklah boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau lain-lain bentuk media masa tanpa kelulusan dari MPC.

9.0 **PEMAJAKAN DAN KONTRAK KECIL**

9.1 Kontraktor tidak boleh memajakkan apa-apa bahagian Perjanjian ini atau membuat apa-apa kontrak kecil bagi melaksanakan Perjanjian ini dan apa-apa bahagiannya dengan tidak terlebih dahulu mendapat persetujuan bertulis MPC.

10.0 **PEMBERIAN MILIK**

- 10.1 Kontraktor tidak boleh memberi milik kontrak atau mana-mana bahagiannya atau memberi milik, menggadai janji, menggadai atau mempertanggungkan apa-apa jua daripada wang yang kena dibayar atau yang telah genap masanya untuk dibayar di bawah atau yang mungkin terbit dari Perjanjian ini dengan tidak terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis MPC.

11.0 FORCE MAJEURE

- 11.1 Kontraktor adalah tidak bertanggungjawab bagi sebarang ketinggalan atau kegagalan dalam menjalankan perjanjian ini, jika ketinggalan atau kegagalan itu timbul daripada keadaan-keadaan berikut iaitu, rusuhan dan kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, peperangan, bahaya laut atau sebab-sebab atau bahaya-bahaya yang seumpama yang tidak dapat dikawal oleh mana-mana pihak. Dalam keadaan sedemikian yang menyebabkan mana-mana pihak tidak dapat menyempurnakan perjanjian ini, perjanjian ini adalah ditamatkan dengan persetujuan kedua pihak.

12.0 PENAMATAN PERJANJIAN

MPC boleh memberi notis bertulis kepada kontraktor menamatkan perjanjian ini jika:

- 12.1 Representasi dan waranti yang diberikan oleh kontraktor dalam perjanjian ini didapati tidak benar;
- 12.2 Kontraktor melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat dalam Perjanjian ini atau;
- 12.3 Kontraktor itu sebagai orang perseorangan (atau apabila kontraktor itu adalah suatu firma, mana-mana pengkongsi firma itu) pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau suatu perintah penerimaan atau perintah pentadbiran dibuat terhadapnya, atau membuat suatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah sipiutang-sipiutang atau membuat sesuatu pindah hak atau

penyerah hak bagi faedah sipiutang atau jika kontraktor itu adalah suatu syarikat, meluluskan sesuatu keterangan, atau mahkamah membuat suatu perintah bahawa syarikat itu digantung (bukan suatu penggulangan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau jika seseorang sipiutang dilantik atau jika timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada mahkamah atau seseorang sipiutang melantik seseorang penerimaan atau mengurus, atau yang memberi hak kepada mahkamah membuat suatu perintah penggulangan atau;

12.4 MPC mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa Kontraktor atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya sama ada dengan atau di luar pengetahuan Kontraktor melakukan perbuatan rasuah dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatan Perjanjian ini tidak menyentuh hak-hak MPC untuk mendapatkan balik ganti rosak dan lain-lain hak yang sedia ada;

12.5 MPC boleh menamatkan kontrak di bawah fasal ini di dalam keadaan-keadaan lain selain daripada tersebut di bawah perenggan-perenggan di atas.

13.0 **CARA-CARA PENAMATAN PERJANJIAN**

13.1 Perjanjian ini boleh ditamatkan oleh mana-mana pihak dengan cara memberi notis bertulis tidak kurang daripada **satu (1) bulan** dari tarikh Perjanjian ini hendak ditamatkan.

13.2 Sungguhpun ada terdapat syarat penamatan Perjanjian seperti di atas, MPC adalah berhak sepenuhnya untuk menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa sekiranya pada hemat MPC perkhidmatan yang diberikan oleh kontraktor tidak memuaskan dengan syarat sentiasa bahawa notis hendaklah diberi tidak kurang dari **dua puluh empat (24) jam** dari tarikh berkuat kuasanya penamatan Perjanjian ini.

14.0 **KELELAPAN DEPOSIT**

14.1 Dalam hal di mana Kontraktor melakukan pelanggaran terhadap tanggungjawabnya di bawah Perjanjian ini atau di mana MPC menamatkan perjanjian ini menurut perenggan 13.0 perjanjian ini. MPC berhak melelapkan apa-apa deposit yang telah dibayar oleh Kontraktor menurut perjanjian ini berserta dengan hak menuntut dari penjamin melalui Bank Guarantee atau Bon Pelaksanaan ganti rugi atau kerugian yang telah dialami oleh MPC akibat penamatan tersebut. Adalah juga dipersetujui bahawa hak MPC untuk melelapkan deposit dan menuntut ganti rugi di bawah Bank Guarantee atau Bon Pelaksanaan tersebut tidak akan menyekat MPC untuk menuntut kerugian atau ganti rugi lain yang diakibatkan oleh penamatan tersebut.

15.0 **NOTIS**

15.1 Notis-notis yang hendak diserahkan kepada kontraktor memadailah sekiranya dialamatkan dan ditinggalkan atau dihantar dengan pos berdaftar kepadanya di alamat yang tersebut di atas dan notis-notis yang hendak diserahkan kepada MPC memadailah sekiranya dialamatkan dan dihantar dengan pos berdaftar kepadanya di alamat yang tersebut di atas. Notis-notis yang dihantar dengan pos adalah disifatkan sebagai telah diserahkan pada masa yang sepatutnya dihantar ke tempat yang dialamatkan itu.

16.0 **MASA**

16.1 Di mana-mana dalam perjanjian ini, masa adalah merupakan syarat utama yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

17.0 **DUTI SETEM DAN KOS**

17.1 Apa-apa duti setem yang harus dibayar dan perbelanjaan-perbelanjaan lain yang bersangkutan dengan perjanjian ini akan ditanggung oleh kontraktor.

18.0 UNDANG-UNDANG

18.1 Perjanjian-perjanjian ini hendaklah ditaksirkan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia.

19.0 PINDAAN-PINDAAN

19.1 Sebarang pindaan atau perubahan kepada Perjanjian ini hendaklah dibuat secara bertulis dan disahkan oleh kedua-dua pihak.

20.0 TIMBANGTARA

20.1 Apa-apa pertikaian yang terbit di antara MPC dengan Kontraktor mengenai penafsiran, pengertian atau berkuat kuasa Perjanjian, atau hak dan tanggungan pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit darinya atau yang berhubung dengannya hendaklah kecuali jika selainnya dipersetujui dengan tertentu dengan bertulis di antara MPC dengan Kontraktor, dirujuk kepada penimbangtaraan dua orang, seorang dilantik oleh MPC dan seorang lagi oleh Kontraktor, dan atur cara timbang tara itu adalah seperti yang diperuntukkan di dalam Akta Timbang tara 1952.

Dengan ini disaksikan pihak-pihak di sini telah menandatangani pada

.....haribulan September tahun 2022.

Ditandatangani bagi pihak MPC oleh:

Nama: **HAJAH NOR HAFIZAH MOHD AROP**

Jawatan: **PENGARAH WILAYAH MPC SARAWAK**

Cop Rasmi Jabatan:


(Tandatangan)

di hadapan saksi:-

Nama: **EDWARD BINTY**

Jawatan: **PENGURUS KANAN**

Cop Rasmi Jabatan:




(Tandatangan)

Ditandatangani bagi pihak Kontraktor oleh:-

Nama: **CHIN POOK CHIEW @ FUNG CHIO .**

Jawatan: **Partners .**

No. Kad Pengenalan: **710721-13-5279**

Cop Rasmi Syarikat:




(Tandatangan)

di hadapan saksi:-

Nama: **Jenny Sm**

Jawatan: **clerk**

No. Kad Pengenalan: **710301-13-5584**

Alamat: **NO:137 Lorong 12A Taman Shetong
Indah Jin Setia Raja 93350
Kuching Sarawak .**


(Tandatangan)